

# Perjalanan reformasi perlu berterusan, bukan setakat separuh penggal

• Negara atau negeri perlu diperintah pemimpin berkaliber, mempunyai pengalaman serta mempunyai kehendak politik dan idea baik dalam melaksanakan dasar demi kepentingan rakyat

• Pentadbiran Anwar dalam tempoh dua tahun ini menyaksikan beberapa kejayaan signifikan, terutama dalam aspek ekonomi, kebajikan rakyat dan pembaharuan tadbir urus

Oleh Prof Dr Mohd Azizuddin Mohd Sani  
bhrencana@bh.com.my

**Genap** dua tahun pembentukan Kerajaan Perpaduan pimpinan Datuk Seri Anwar Ibrahim bermatlamat mewujudkan kestabilan politik selepas Malaysia mengharungi ketidaktentuan politik sejak 2018 dengan perubahan kerajaan dan kepemimpinan negara sebanyak tiga kali.

Kini jelas, matlamat utama kewujudan Kerajaan Perpaduan adalah melahirkan suasana politik stabil supaya fokus boleh diberikan bagi menambah baik sosioekonomi rakyat, selain mewujudkan suasana kondusif kepada pelaburan asing dan domestik serta peningkatan aspek perdagangan dan peluang ekonomi.

Yang jelas, Anwar berjaya membentuk Kerajaan Perpaduan selepas Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15), mengurangkan polarisasi politik dalam negara.

Pentadbirannya juga memulihkan keyakinan pelabur dan rakyat melalui pendekatan inklusif serta merendah diri, termasuk penolakan gaji sebagai Perdana Menteri dan pengecilan saiz Kabinet.

Paling penting, beliau berjaya menyatupadukan politik negara dengan mewujudkan sistem gabungan besar antara Pakatan Harapan (PH), Barisan Nasional (BN), Gabungan Parti Sarawak (GPS), Gabungan Rakyat Sabah (GRS) dan beberapa parti dalam Kerajaan MADANI dan meniadakan Perikatan Nasional (PN) yang tidak menyertai kerajaan atas pilihan sendiri selepas ditawarkan Yang di-Pertuan Agong.

Pelancaran dasar Malaysia MADANI meletakkan hala tuju ingin dilaksanakan negara khususnya dalam melahirkan bangsa Malaysia sebagai bangsa berlandaskan peradaban mulia berasaskan nilai Islam dan seagat.

Ini akan menjadikan Malaysia maju dan berdaya inovatif. Namun, masih banyak perkara perlu dilakukan kepemimpinan negara dan rakyat dalam memastikan kewujudan masyarakat Malaysia maju serta berdaya saing.

Yang jelas, kerajaan meletakkan asas untuk menjadikan Malaysia lebih baik pada masa akan datang. Namun, kejayaan Malaysia tidak akan berlaku sekiranya matlamat dasar Ekonomi MADANI tidak terlaksana dengan baik.

Sementara itu, Kerajaan Perpaduan juga menyatakan komitmen jitu melaksanakan intipati Perjanjian Malaysia 1963 (MA1963) khususnya bagi Sarawak dan Sabah.

Jadi, adalah salah mengatakan matlamat agenda ini tidak diikuti. Juga kritikan diberikan ke atas Anwar mendakwa beliau gagal menarik sokongan orang Melayu kepada Kerajaan Perpaduan.

Sebenarnya masalah dan kelemahan pentadbiran kerajaan negeri diperintah parti pembangkang di peringkat Persekutuan menjadikan orang Melayu berfikir semula akan sokongan mereka sebelum ini yang lebih termakan dengan sentimen dimainkan ketika pilihan raya.

Realitinya, negara atau negeri perlu diperintah pemimpin berkaliber, mempunyai pengalaman serta mempunyai kehendak politik dan idea baik dalam melaksanakan dasar demi kepentingan rakyat.

Bukan senang sebenarnya untuk mentadbir negara

atau negeri, jadi pentadbiran terbaik harus datang daripada pemimpin mempunyai latar belakang, sistematis perencanaannya dan berkemampuan memerintah dengan baik untuk rakyat.

## Pelbagai inisiatif dilaksana

Dalam tempoh dua tahun sejak menjadi Perdana Menteri, Anwar melaksanakan pelbagai inisiatif untuk membawa reformasi ekonomi, meningkatkan kebajikan rakyat dan memperkukuh tadbir urus negara.

Anwar memperkenalkan kerangka Ekonomi MADANI, yang menjadi landasan untuk membina ekonomi berdaya tahan dan berteraskan kesejahteraan rakyat.

Dasar ini disokong pelbagai pelan seperti Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) 2030 dan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) untuk meningkatkan daya saing sektor pembuatan dan tenaga hijau.

Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) mencatatkan pertumbuhan kukuh dengan peningkatan 4.2 peratus pada suku pertama 2024. Malaysia juga mencatatkan pelaburan langsung asing (FDI) sebanyak RM329.5 bilion pada 2023, naik 23 peratus berbanding tahun sebelumnya.

Indeks Bursa Malaysia dan nilai pasaran ekuiti domestik mencapai paras tertinggi dalam sejarah sebanyak RM2 trilion.

Bagi meringankan beban kos sara hidup, beberapa inisiatif dilaksanakan. Antaranya, Menu Rahmah menyediakan makanan mampu milik serendah RM5 di lebih 15,000 restoran.

Bantuan tunai kepada isi rumah, individu bujang dan penjawat awam, selain bantuan khas kepada mangsa bencana seperti banjir. Menstabilkan harga barangan asas melalui usaha memecahkan kartel minyak masak, baja, ayam serta telur.

Selain itu, reformasi tadbir urus dan antirasuah juga dipergiatkan. Kerajaan Perpaduan memberi penekanan terhadap tadbir urus baik. Pelaksanaan tender terbuka berjaya menjimatkan RM2 bilion dalam projek tebatan banjir.

Penangkapan sindiket penyeludupan dan ketirisan hasil negara juga dianggar berjaya memulihkan kerugian RM2 bilion sejak 2017. Penubuhan Akta Tanggungjawab Fiskal turut meningkatkan ketelusan kewangan negara.

Kerajaan Perpaduan juga menyasarkan pendapatan minimum sektor pembuatan meningkat kepada RM4,500 menjelang 2030. Selain itu, kerjasama dengan syarikat besar memperkukuh Pendidikan dan

Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), dengan tumpuan kepada bidang kecerdasan buatan (AI) untuk melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi.

Walaupun beberapa pencapaian boleh dibangga dicatatkan, Anwar mengakui terdapat ruang penambahbaikan, terutama menangani isu struktur ekonomi dan kos sara hidup.

Tekad pentadbirannya adalah memastikan kesejahteraan rakyat menjadi keutamaan. Memang ada kritikan dalam kalangan masyarakat sivil mengatakan tahap demokrasi dan kebebasan bersuara semakin menurun disebabkan tindakan kerajaan sebelum ini menguatkuasakan undang-undang seperti Akta Hasutan terhadap elemen penghinaan 3R (kaum, agama dan institusi Raja).

Namun, ia dijelaskan Perdana Menteri bahawa demi mewujudkan sistem politik stabil, elemen 3R perlu dibanteras bagi mengelakkan daripada hubungan kaum terjejas dan institusi negara terpelihara.

Yang jelas, apa juga ancaman kepada negara termasuk dari segi aktiviti subversif dan ekstremisme perlu ditangani pantas demi menjamin kestabilan negara.

Realitinya, pentadbiran Anwar dalam tempoh dua tahun ini menyaksikan beberapa kejayaan signifikan, terutama dalam aspek ekonomi, kebajikan rakyat dan pembaharuan tadbir urus.

Namun, perjalanan reformasi memerlukan usaha berterusan bagi mencapai visi Malaysia sebagai negara sejahtera dan makmur. Sebenarnya, adalah tidak adil dalam menilai sebuah kerajaan mentadbir kurang separuh penggal sesebuah pentadbiran yakni lima tahun.

Kerajaan Perpaduan perlu diberikan peluang hingga tamat penggal ini. Sekiranya gagal memperoleh pencapaian memberangsangkan, rakyat kini makin bijak dan boleh menunaikan hak mereka untuk memilih kerajaan yang bagi mereka adalah terbaik untuk memimpin Malaysia.

Namun, sekiranya Kerajaan Perpaduan ini berkesan dan terbukti berjaya mentadbir dengan baik, hak ini juga terletak kepada rakyat untuk mengekalkan Kerajaan Perpaduan untuk sepenggal lagi selepas Pilihan Raya Umum Ke-16 (PRU16) nanti.

Yang pasti, kewujudan kerajaan ini haruslah didukung bersama kerana tiada negara yang kerajaannya mahukan ia hancur. Maka, pelaksanaan dasar sangatlah penting bagi memastikan kemakmuran boleh dinikmati bersama demi kebaikan umum. Ini kerana sekarang adalah masa untuk bekerja dan kurangkan berpolitik.

